

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 4 OGOS 2025
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA : 22
SURAT

RMK13 batu loncatan kepada negara

RMK13 batu loncatan kepada negara



PERSPEKTIF
MOHD AFZANIZAM
ABDUL RASHID

Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) telah dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 31 Julai lalu. Sejumlah RM430 bilion perbelanjaan pembangunan kerajaan Persekutuan akan disasarkan sepanjang tempoh lima tahun ini yang bermula dari tahun 2026 sehingga 2030.

Di samping itu, sumbangan daripada syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) serta syarikat-syarikat swasta melalui *Public Private Partnership* (PPP) juga akan menyumbang pelaburan berjumlah RM181 bilion.

Dengan sejumlah pelaburan yang besar ini, ekonomi Malaysia dijangka

bertumbuh pada kadar 4.5 hingga 5.5 peratus. Sekiranya rancangan berjalan lancar, negara Malaysia dijangka akan mencapai sebuah negara berpendapatan tinggi pada tahun 2030 dengan Pendapatan Negara Kasar (PNK) perkapita mencecah RM77,200 pada tahun 2030.

Berdasarkan apa yang telah diumumkan, jelas sekali kerajaan Persekutuan begitu komited untuk memastikan Malaysia untuk 'bergraduat' dan menjadi negara berpendapatan tinggi setelah lama 'terperangkap' dalam negara berpendapatan menengah bagi beberapa dekad. Secara jujur, perkara ini bukan sesuatu yang mudah untuk dicapai memandangkan pelbagai cabaran yang sedang menanti. Cabaran ini termasuklah dasar ekonomi Amerika Syarikat (AS) yang bersifat *protectionist*, di samping risiko geopolitik yang memberi kesan kepada kos pengangkutan maritim untuk tujuan perdagangan antarabangsa.

Tidak kurang juga faktor perkembangan teknologi, kian pesat yang

bakal merubah landskap ekonomi global dan domestik. Ini kerana perkembangan seperti kecerdasan buatan (AI) akan menjadikan persaingan perniagaan akan lebih sengit disebabkan keupayaan para peniaga untuk mengenal pasti pasaran dan pelanggan dengan lebih tepat, di samping dapat mengurangkan kos operasi disebabkan penggunaan tenaga buruh yang minimum.

Situasi ini sudah pasti akan memberi kesan kepada perniagaan yang masih menggunakan model perniagaan yang berasaskan model kos rendah yang mana tenaga buruh kurang mahir menjadi pilihan utama mereka.

Antara contoh perniagaan yang dilihat berpotensi untuk terkesan akibat perkembangan teknologi ialah perkhidmatan kemasukan data, pusat panggilan, perkhidmatan penterjemahan dan pelbagai lagi.

Sudah pasti perkara ini jika tidak diurus dengan baik akan menjejaskan ekonomi negara kerana ia akan memberi kesan kepada perniagaan dan juga tenaga buruh sedia ada. Justeru, trans-

formasi ekonomi perlu berlaku dan ia perlu dihayati sepenuhnya kerana boleh memberikan kesan kepada kelangsungan kehidupan. Segala bentuk bantuan kerajaan seperti geran, pembiayaan mikro, subsidi dan latihan perlu dimanfaatkan sepenuhnya.

Para pekerja dan para pelajar pula perlu sentiasa terbuka untuk belajar ilmu dan kemahiran baharu supaya sentiasa relevan dengan peralihan zaman. Dan di sinilah letaknya RMK13 sebagai pemangkin pembangunan melalui projek infrastruktur yang akan memimpin transformasi ekonomi secara efektif.

Jentera kerajaan melalui kementerian dan agensi yang berkaitan akan bersama-sama dalam pelaksanaan dasar bagi mencapai hasrat diimpikan iaitu menjadi sebuah negara maju pada tahun 2030. Oleh itu, ia merupakan usaha berterusan dan melibatkan pelbagai pemegang taruh.

* Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid ialah Ketua Penganalisis Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Berhad